

## Teruskan kerjaya PALAPES

**Serdang:** Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan semua pegawai kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) yang ditauliahkan sebagai pegawai tentera simpanan supaya meneruskan kerjaya itu.

Baginda bertitah kerjaya itu perlu diteruskan sama ada dalam Angkatan Tetap atau Pasukan Simpanan Angkatan Tentera Malaysia supaya ilmu diperoleh tidak disia-siakan.

“Beta berkehendakkan segala ilmu yang diperoleh sepanjang tiga tahun berada di PALAPES digunakan dan diperkemaskan bagi menghadapi sebarang cabaran.

“Beta juga menyeru kepada saudara-saudari (pegawai kadet) melaksanakan segala amanah diberikan sebagai satu cabaran yang mesti ditangani dengan baik dan bijaksana,” titahnya pada Pentauliah Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam ke-34, di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Pada majlis pentauliah bertemakan Watan Mendaulat Bangsa itu, seramai 1,628 pegawai kadet daripada 18 universiti awam (UA) menerima watak tauliah yang



**PERBARISAN** Pentauliah Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam ke-34 di UPM, semalam.

disempurnakan Sultan Sharafuddin mewakili Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Pegawai kadet yang ditauliahkan itu merangkumi

1,153 Pegawai Kadet Darat, 231 Pegawai Kadet Laut dan 244 Pegawai Kadet Udara.

Kegagahan perajurit muda intelek itu jelas terpancar ketika perbarisan menghadap Sultan Sharafuddin yang

diketuai Pegawai Kadet Terbaik Darat dari UPM, Pegawai Rendah Muda Muhammad Syahiran Abd Sukor, 22.

Bait-bait lagu 'Inilah Barisan Kita' yang dialunkan

pegawai kadet PALAPES bergema di Padang Kawat UPM turut menaikkan semangat patriotik.

Sultan Sharafuddin dalam titahnya juga memberikan pesanan kepada pegawai ka-

det itu bahawa mereka adalah pewaris bangsa yang dapat menyumbang kepada pertahanan dan kesejahteraan Malaysia dalam menghadapi ancaman luar mahupun dalam negara.